



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

NOTA KEPADA PENGARANG

KEPADA SEMUA EDITOR/ KETUA PENGARANG MEDIA

Tuan/Puan,

JEMPUTAN MEDIA KE MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PEPADUAN ZON TENGAH 2026 DAN MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM BERSAMA BELIA

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara** akan hadir menyempurnakan **Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Zon Tengah 2026 dan Majlis Penutupan Program Bermalam Di Muzium Bersama Belia** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 16 Mei 2026 (Sabtu)
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur

3. Sambutan Minggu Perpaduan merupakan program utama yang dirancang di bawah Flagship Kembara Perpaduan yang bertemakan **Bersama Membina Negara Bangsa** bagi memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan atau *moments of unity*. Selain itu, KPN turut mengadakan program Bermalam Di Muzium Bersama Belia sebagai pengisian utama bagi memperkasakan peranan muzium sebagai tapak integrasi nasional yang menyatukan rakyat melalui penghayatan terhadap sejarah, warisan dan identiti negara. Bersama-sama ini disertakan bersama **atur cara program** untuk rujukan rakan-rakan media.

4. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara dengan berbesar hati ingin **menjemput semua wakil media untuk hadir membuat liputan sepanjang program ini berlangsung**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan/puan boleh menghubungi Pegawai Perhubungan Awam KPN, Encik Aiman Muzzammil bin Suhaimee di talian 017-5701420 atau Encik Charles Viniyal a/l Pilaventhiran di talian 012-3824997.

Sekian, terima kasih.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perpaduan Negara
KPN.100-9/1/13 (20)**

**ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN ZON TENGAH DAN MAJLIS PENUTUPAN
PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM BERSAMA BELIA**

Tarikh : 16 Mei 2026 (Sabtu)
Masa : 10.30 pagi
Tempat : Dataran Muzium Negara
Pakaian : Kasual Kemas

10.00 pagi : Ketibaan tetamu jemputan
10.15 pagi : Ketibaan YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim
Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia
10.20 pagi : Ketibaan YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Perancangan Strategik)
10.25 pagi : Ketibaan Yang Berbahagia Datuk Mohamad Azhan bin MD. Amir
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
10.30 pagi : Ketibaan Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang
Menteri Perpaduan Negara
: Lagu Negaraku
: Ikrar Rukun Negara
: Persembahan Selamat Datang
: Bacaan Doa
: Ucapan Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Zon
dan Penutupan Bermalam di Muzium Bersama Belia
YB Datuk Aaron Ago Dagang
Menteri Perpaduan Negara
10.50 pagi : Simbolik Majlis Perasmian SMP Zon Tengah dan Penutupan BDM
: Penyampaian Sijil
: Lawatan ke Reruai
12.30 tghri : Jamuan
: Bersurai